

ETNIK TOBILUNG

Kepercayaan, Adat Resam dan Amalan



Amie's Little Kitchen
PHOTOGRAPHY

Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah

The page features a decorative border with repeating geometric patterns in red, yellow, and dark blue. The background is a light-colored floral illustration with various leaves and stems in shades of green, yellow, and pink. The title 'Sinopsis' is written in a large, green, cursive font.

Sinopsis

Budaya Etnik Etnik Tobilung merekodkan tujuh belas (17) aspek-aspek budaya etnik Tobilung bermula dengan latar belakang etnik, sejarah dan asal usul. Di Sabah etnik Tobilung majoritinya mendiami kawasan seperti Kota Marudu dan Kota Belud. Terdapat juga etnik Tobilung yang menetap di daerah lain seperti di Kota Kinabalu yang berhijrah secara sementara dan kekal atas faktor pekerjaan dan perkahwinan.

The page features a decorative border with repeating geometric patterns in dark blue, yellow, and red. The background is a light cream color with a pattern of stylized green leaves, pink and blue flowers, and pink fruit-like shapes. The title 'Pengenalan' is written in a large, green, cursive font.

Pengenalan


Etnik Tobilung mempunyai sistem kepercayaan dan amalan tersendiri sama seperti etnik-etnik lain. Pada zaman dahulu etnik Tobilung berpegang kepada amalan animisme yang diwarisi dari nenek moyang. Pandang dunia dan sistem kepercayaan etnik Tobilung banyak dipengaruhi oleh alam sekitar dan rineet. Bab ini akan menjelaskan sistem kepercayaan etnik Tobilung yang perlu diketahui oleh generasi akan datang.

Kepercayaan terhadap Tinumaru (Tuhan)

Tinumaru dianggap sebagai Tuhan oleh etnik Tobilung yang mengamalkan kepercayaan animisme. Oleh itu, Tinumaru mempunyai kedudukan dan peranan yang sangat penting bagi etnik Tobilung. Mereka percaya bahawa Tinumaru telah minongurug (mencipta) langit dan bumi serta segala isinya.

Di samping itu, Tinumaru juga merupakan pelindung kepada etnik Tobilung dari kuasa jahat. Sekiranya berlaku sebarang pertikaian di antara semua makhluk ciptaannya Tinumaru bertanggungjawab untuk memberi pengadilan dan akan menghukum setiap pelaku kejahatan setimpal dengan perbuatannya.

Tinumaru dipercayai tinggal di suatu alam lain yang dikenali sebagai lingkogung iaitu di lapisan langit ketujuh. Etnik Tobilung yang mengamalkan kepercayaan animisme percaya bahawa Tinumaru tidur sepanjang masa dan hanya bangun pada masa tertentu sahaja.



Kepercayaan terhadap Tutumolong (Orang Bunian)

Selain percaya kepada kewujudan Tinumaru, etnik Tobilung juga mempercayai kewujudan Tutumolong. Berbeza dengan makhluk lain kewujudan Tutumolong dipercayai bukan melalui penciptaan Tinumaru tetapi menjelma dengan sendirinya daripada batu besar yang dipanggil pampang. Tutumolong dipercayai mempunyai istana sendiri yang setara dengan kediaman Tinumaru dan boleh menjelma menyerupai bentuk manusia cuma bentuknya lebih kecil. Etnik Tobilung percaya bahawa jika Tutumolong dijadikan sebagai sahabat kepada manusia, makhluk ini akan memberi perlindungan kepada sahabatnya apabila berada dalam keadaan bahaya. Mereka yang bersahabat dan mempercayai Tutumolong juga akan mempunyai kekuatan tenaga yang luar biasa dan kebal daripada senjata-senjata tajam.

Kepercayaan terhadap Sundu (Semangat)

Etnik Tobilung mempercayai kewujudan Sundu yang boleh dijadikan sahabat kepada manusia. Sundu dipercayai terdiri daripada dua jenis iaitu Sundu jahat dan Sundu baik. Kedudukan Sundu dipercayai berada di sekitar tempat manusia biasa tetapi tidak dapat dilihat melalui mata kasar. Kewujudan Sundu adalah misteri dan hanya boleh dihubungi oleh Bobolian melalui upacara ritual yang dikenali sebagai Mogorunduk. Selain daripada ritual tersebut, Sundu juga boleh dihubungi oleh manusia biasa melalui upacara tertentu. Walau bagaimanapun, upacara tersebut hanya boleh dibuat oleh mereka yang telah mengikat persahabatan dengan Sundu.

Tempat melakukan upacara ritual untuk memuja Sundu biasanya diadakan di kawasan yang jauh daripada perkampungan manusia seperti di puncak bukit, dalam hutan dan di atas batu besar. Semasa mengadakan upacara tersebut terdapat beberapa kelengkapan yang perlu disediakan mengikut persetujuan bersama dengan Sundu yang akan dipuja. Sundu yang biasa dipuja oleh etnik Tobilung ialah Solob. Mereka percaya bahawa Sundu Solob mempunyai kuasa untuk memberi perlindungan kepada pengamalnya daripada Sundu jahat.

Kepercayaan terhadap Komburongo (Pokok Jerangau)

Etnik Tobilung percaya bahawa pokok Komburongo merupakan sejenis tumbuhan yang mempunyai penunggu. Mereka percaya bahawa penunggu pokok Komburongo mempunyai sifat yang baik dan boleh dijadikan sebagai pelindung dalam sesebuah keluarga. Tumbuhan ini juga berfungsi sebagai pengantara di antara manusia dengan Tinumaru. Penunggu Komburongo dipercayai tidur sepanjang masa dan hanya bangun jika keluarga yang memujanya perlu menghubunginya atas sebab-sebab tertentu seperti ada ahli keluarga yang sakit atau ditimpa kesusahan.

Mereka yang memerlukan pertolongan daripada penunggu Komburongo perlu mengadakan upacara ritual Mogorunduk dan Modsongodou. Batang komburongo akan dikerat kemudian dikeringkan. Selepas itu keratan komburongo akan dicucuk menggunakan tangsi atau benang kemudian diikatkan pada sebatang kayu yang dipanggil Pidangau.



*Pokok Komburongo
(Jerangau)*



*Komburongo yang telah diolah menjadi
perantara bobolian dengan kuasa
spritual semasa melakukan upacara
ritual*

Ritual Mogorunduk

Ritual Mogorunduk merupakan upacara yang dilakukan oleh Bobolian untuk berhubung dengan roh-roh ghaib bagi tujuan memohon pertolongan menyembuhkan seseorang yang sakit. Biasanya upacara dilakukan pada waktu malam. Bobolian akan berselubung dengan kain dan membaca mantera sambil menggoyang-goyangkan Goding. Goding diperbuat daripada beberapa kepingan logam tembaga yang diikat bersama dan merupakan salah satu peralatan ritual yang digunakan oleh Bobolian semasa ritual Mogorunduk.



Goding



Ritual Moniridong

Upacara ritual Moniridong diadakan untuk memanggil semangat alam bagi memohon keberkatan mendapatkan hasil pertanian yang lebih baik dan banyak di masa hadapan. Walau bagaimanapun, upacara ini juga adakalanya dijalankan bagi memujuk semangat alam supaya tidak mendatangkan malapetaka kepada para petani seperti berlakunya musim kemarau, banjir dan sebagainya sehingga memusnahkan tanaman. Upacara ini dijalankan menerusi tiga peringkat iaitu Mongimuau, Magayas dan yang terakhir Moniridong. Beberapa orang Bobolian terlibat dalam pelaksanaan upacara ini yang berperanan memanggil semangat alam melalui mantera.

Ritual Monogit

Upacara ritual Monogit diadakan apabila keadaan semasa memerlukan berkat daripada Tinumaru (Tuhan bagi kepercayaan etnik Tobilung) untuk menjauhkan alam dari sebarang bencana seperti musim kemarau yang berpanjangan agar tanam-tanaman dan sumber kehidupan manusia tidak terjejas. Mengikut kepercayaan orang-orang tua etnik Tobilung keadaan cuaca yang buruk adalah disebabkan oleh perbuatan negatif manusia sendiri yang melakukan perkara-perkara yang melangkaui batas-batas nilai sosial dan adat resam. Upacara ini dilaksanakan oleh seorang Bobolian yang biasanya diadakan di kawasan berhampiran sungai dan disertai oleh semua penduduk kampung.



Gonding

Ritual Monogit

Upacara ritual Monogit diadakan apabila keadaan semasa memerlukan berkat daripada Tinumaru (Tuhan bagi kepercayaan etnik Tobilung) untuk menjauhkan alam dari sebarang bencana seperti musim kemarau yang berpanjangan agar tanam-tanaman dan sumber kehidupan manusia tidak terjejas. Mengikut kepercayaan orang-orang tua etnik Tobilung keadaan cuaca yang buruk adalah disebabkan oleh perbuatan negatif manusia sendiri yang melakukan perkara-perkara yang melangkaui batas-batas nilai sosial dan adat resam. Upacara ini dilaksanakan oleh seorang Bobolian yang biasanya diadakan di kawasan berhampiran sungai dan disertai oleh semua penduduk kampung.



Para Bobolian etnik Tobilung sedang menjalankan upacara ritual Modsuut semasa perayaan Pesta Kaamatan



Ritual Modsuut

Upacara Modsuut wajib diadakan pada setiap tahun iaitu selepas menuai padi. Etnik Tobilung percaya bahawa padi mempunyai semangat iaitu Bambarayon. Upacara ini akan dijalankan oleh Bobolian sebagai tanda kesyukuran kepada Bambarayon kerana telah memberikan rahmat untuk bekalan makanan yang secukupnya dari hasil padi. Biasanya upacara ini dijalankan semasa Pesta Monguyas Torutip (Pesta Kaamatan) yang akan disusuli dengan jamuan makan dan minum.



Kepercayaan terhadap Katambeeg (Penunggu Air)

Katambeeg dipercayai sebagai penunggu air yang berperanan untuk menjaga sungai. Etnik Tobilung percaya bahawa Katambeeg tinggal di dalam air. Hanya orang-orang tertentu sahaja boleh berkomunikasi dengan Katambeeg. Adakalanya penunggu ini akan menuntut korban manusia jika berlaku perbuatan yang menyebabkan pencemaran air disebabkan oleh manusia.



Kepercayaan terhadap Diwato (Roh)

Mengikuti kepercayaan etnik Tobilung setiap manusia mempunyai Diwato. Mereka percaya bahwa Diwato tinggal di suatu alam lain yang dikenali sebagai Lingkogung. Diwato dipercayai tidur sepanjang masa dan hanya bangun pada masa-masa tertentu seperti bulan purnama. Selain itu, Diwato juga boleh dihubungi melalui upacara Mogorunduk. Walau bagaimanapun, Diwato seseorang itu tidak akan dapat dihubungi lagi apabila orang tersebut telah meninggal dunia. Diwato setiap orang dipercayai mempunyai perawakan yang cantik dan tidak mempunyai cacat celah yang jauh berbeza dari perawakan manusia biasa di bumi.

Kepercayaan terhadap Suang Tana (Penunggu Tanah)

Suang Tana adalah salah satu daripada jenis Sundu yang mempunyai sifat jahat. Oleh sebab itu Suang Tana tidak disukai dan menjadi musuh kepada manusia. Suang Tana dipercayai tinggal di merata tempat dan mempunyai kawasan tempat tinggal sama seperti manusia tetapi tidak dapat dilihat dengan mata kasar. Suang Tana akan marah jika tempat tinggal mereka diganggu. Etnik Tobilung percaya bahawa mereka yang telah mengganggu tempat tinggal Suang Tana akan ditimpa penyakit misteri. Perkara ini menyebabkan etnik Tobilung sangat berhati-hati dengan penunggu ini kerana sangat sensitif dan mudah marah.



Amalan turun-temurun Mitatabang

Etnik Tobilung mengamalkan semangat mitatabang (gotong-royong) semasa melakukan sesuatu pekerjaan. Amalan mitatabang selalu dipraktikkan terutama sekali melibatkan kerja-kerja membuka ladang untuk penanaman padi seperti rumilik (menebas hutan), mangasok (menugal), gumamas (merumput), mongomot (menuai), mongogik (meleraikan biji padi) dan mirangkat (mengangkut). Selain itu, amalan mitatabang juga diamalkan semasa membuat persediaan untuk majlis perkahwinan, membuat rumah dan jika berlaku kematian.



Amalan Moginum

Moginum adalah salah satu amalan meminum minuman yang memabukkan secara beramai-ramai. Walau bagaimanapun, mereka yang menyertai acara ini akan memastikan bahawa mereka tidak akan mengambil minuman tersebut dengan kuantiti yang banyak sehingga mabuk. Minuman yang menjadi kegemaran dalam acara ini ialah kombos (tapai). Tujuan amalan tersebut diamalkan adalah untuk melepaskan penat lelah setelah seharian bekerja di ladang dan mengeratkan hubungan kemesraan di antara penduduk kampung. Amalan ini biasa dilakukan selepas amalan mitatabang berakhir. Pada masa tersebut mereka akan berkumpul dan berkesempatan untuk bertukar-tukar pendapat. Selain itu, moginum juga biasa diamalkan semasa majlis-majlis keramaian seperti majlis perkahwinan, bertunang dan Pesta Monguyas Torutip.



Amalan Miilung

Etnik Tobilung juga mengamalkan amalan Miilung (makan bersama). Amalan ini biasanya diadakan semasa majlis keramaian seperti majlis kesyukuran dan Pesta Monguyas Torutip. Etnik Tobilung meraikan amalan Miilung dengan berkumpul di antara beberapa orang atau keluarga dengan menyediakan makanan masing-masing. Mereka kemudiannya akan membawa makanan tersebut dan berkumpul di suatu tempat seperti rumah, pondok dan sebagainya untuk makan bersama-sama. Tujuan amalan ini dibuat adalah untuk mengeratkan ikatan kekeluargaan, hubungan persahabatan dan kemasyarakatan.

Amalan dan kepercayaan untuk menjaga kesihatan bayi

Terdapat beberapa amalan untuk menjaga kesihatan bayi. Antara amalan tersebut ialah;

1. Memakaikan bayi dengan tiningkor (gelang benang) yang dibuat oleh seorang dukun semasa upacara Mangarantas. Tujuannya ialah untuk menjauhkan bayi dari penyakit.
2. Memberi bayi minum air herba dari pokok Koronipon untuk tujuan mempercepatkan pertumbuhan gigi dan membuang panas badan.
3. Memberi bayi minum air herba dari tapako tokodo ot roon (orkid) yang biasanya tumbuh menumpang di dahan kayu Tondurupis. Tujuannya adalah mengurangkan rasa sakit semasa bayi mengalami proses magarip (membesar) terutamanya semasa tumbuh gigi.



Daun Koronipon

The page features a decorative border with repeating geometric patterns in red, yellow, and dark blue. The background is white with faint, light blue line drawings of palm fronds. The title 'Penutup' is written in a green, cursive font.

Penutup

Sistem kepercayaan etnik Tobilung pada masa kini telah mengalami perubahan yang ketara disebabkan pengaruh agama Kristian dan Islam. Walau bagaimanapun, beberapa amalan budaya masih diamalkan untuk mengeratkan hubungan kemasyarakatan dan demi kesinambungan warisan budaya tradisi.